

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)33**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

33. Pulau Pinang terkenal sebagai destinasi pelancongan Malaysia dan juga menjadi tuan rumah kepada banyak persidangan bertaraf antarabangsa, tetapi isu gelandangan masih menjadi isu utama yang perlu ditangani.
- (a) Apakah kaedah atau strategi yang akan dilaksanakan untuk mengatasi isu ini?
  - (b) Berapakah jumlah gelandangan yang berjaya diselamatkan sehingga bulan April 2025?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

33. Pulau Pinang sememangnya merupakan destinasi pelancongan pilihan di Malaysia, jadi saya bersetuju bahawa imej dan kebajikan komuniti rentan seperti gelandangan perlu diberi perhatian serius. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri amat berkomited dalam menangani isu gelandangan secara menyeluruh dan berperikemanusiaan.
- (a) Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu gelandangan adalah:

(i) Penubuhan Pusat Transit Gelandangan Negeri Pulau Pinang (PTGPP) yang mula beroperasi pada September 2023 menyediakan tempat perlindungan sementara yang selamat, bersih dan bermaruah selain turut menawarkan perkhidmatan kaunseling dan peluang integrasi semula ke dalam masyarakat bagi memastikan mereka keluar dari kitaran kemiskinan dan keterasingan sosial. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak agensi dan NGO seperti Pertubuhan Tzu Chi dan Pure Lotus Hospice of Compassion yang sentiasa memberikan sokongan dalam usaha menangani isu gelandangan di Pulau Pinang. Pihak Tzu Chi telah menyumbangkan peralatan AED kepada PTGPP sebagai salah satu tanda sokongan berterusan mereka terhadap usaha kebajikan dan keselamatan kesihatan gelandangan di negeri ini.

(ii) Kerajaan Negeri juga menjalin kerjasama strategik antara agensi melalui pelaksanaan operasi bersepadu berkala bagi mengenal pasti dan menyantuni gelandangan. Operasi ini melibatkan kerjasama antara JKM, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PDRM (Polis

Diraja Malaysia), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Agensi Antidadah Kebangsaan Pulau Pinang (AADK), Pejabat Imigresen Pulau Pinang dan Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), yang turun padang mengikut jadual tetap, aduan awam, dan secara ad-hoc. Pendekatan ini membolehkan semua pihak yang terlibat untuk memahami situasi sebenar di setiap kawasan, memandangkan cabaran dan keperluan golongan gelandangan berbeza-beza mengikut lokasi. Untuk makluman, sepanjang tahun 2024 sebanyak 351 orang papa telah diselamatkan melalui tindakan operasi tersebut.

- (iii) Kempen kesedaran kepada orang awam seperti “Bijak Membantu, Elak Tertipu” yang dijalankan sewaktu operasi menyelamatkan gelandangan secara edaran risalah-risalah kempen agar masyarakat tidak sewenang-wenangnya memberikan sumbangan kepada pengemis sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan golongan gelandangan untuk berkeliaran di kawasan tersebut.

- (iv) Selain itu, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) selaku penganali operasi PTGPP turut melaksanakan usaha pemulihan seperti program padanan pekerjaan (*job matching*). Setiap individu akan dinilai dari segi kesediaan dan potensi untuk bekerja, sebelum dirujuk kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), PERKESO dan NGO yang menawarkan peluang pekerjaan yang bersesuaian.
- (v) Tambahan pula, bagi gelandangan yang dikenalpasti mempunyai potensi untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat akan dimasukkan ke institusi seperti Desa Bina Diri (DBD) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengikuti latihan kemahiran dan program pemulihan. Untuk makluman, dari tahun 2022 hingga 2025, JKM Pulau Pinang melalui Pejabat Kebajikan Daerah telah menempatkan seramai 48 orang papa ke institusi Desa Bina Diri (DBD). Daripada jumlah tersebut, 20 orang telah berjaya menamatkan latihan kemahiran dan kini

mampu menjana pendapatan sendiri, manakala baki 28 orang masih menjalani latihan di institusi berkenaan.

(vi) Kerjasama dengan wakil komuniti setempat, termasuk Ahli Majlis, MPKK, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan pertubuhan agama. Wakil komuniti ini berperanan sebagai *frontliner* yang dapat mengenalpasti dan memberikan maklumat awal kepada agensi berkaitan berkenaan isu gelandangan. Melalui jalinan kerjasama ini, tindakan intervensi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan apabila maklumat dapat disampaikan dengan tepat dan cepat. Pejabat saya turut bekerjasama dengan YB EXCO Perumahan untuk mengenal pasti langkah penyelesaian yang sesuai, bagi memastikan kebajikan gelandangan yang berkeluarga terus terbela.

(b) Dari bulan Januari hingga April 2025, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang telah berjaya menyelamatkan seramai 79 orang gelandangan di seluruh negeri Pulau Pinang. Pecahan mengikut daerah

adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Usaha menangani isu gelandangan bukan sahaja perlu dilihat sebagai satu tanggungjawab sosial, tetapi juga sebagai sebahagian daripada strategi untuk memelihara reputasi Pulau Pinang sebagai negeri pintar, inklusif dan mampan.